## The Board Audit Committee comprises 3 Directors namely:–

1. Dato' Sadasivan s/o N. N. Pillay – Chairman
   (Independent Non-Executive Director)
2. Chew Kong Seng
   (Independent Non-Executive Director)
3. Mohd Azhar bin Osman Khairuddin
   (Non-Executive Director)

### Constitution

The Audit Committee was formed by the Board pursuant to its meeting on 14 August 1995.

### Membership

- The members of the Audit Committee shall be appointed by the Board from amongst their number and shall consist of not less than 3 members of whom a majority shall be Independent Directors. Independent Director shall be one who fulfills the requirement as provided in the KLSE Listing Requirements.

- At least one member of the Audit Committee must be a member of the Malaysian Institute of Accountants or must have at least 3 years working experience and passed the examinations specified in Part I of the 1st Schedule of the Accountants Act 1967; or must have at least 3 years working experience and is a member of one of the associations of accountants specified in Part II of the 1st Schedule of the Accountants Act 1967.

- The members of the Audit Committee shall elect a Chairman from amongst their number who shall be an Independent Director.

- If a member of the Audit Committee resigns, dies or for any other reason ceases to be a member with the result that the number of members is reduced below 3, the Board shall within 3 months of that event, appoint such number of new members as may be required to make up the minimum number of 3 members.

- No alternate director can be appointed as a member of the Audit Committee

### Meeting

- A quorum shall be two members, both being independent directors and one of whom shall be the Chairman of the Audit Committee. At least once a year the Audit Committee shall meet with the External Auditors without any Executive Director present. The External Auditor has the right to appear and be heard at any meeting of the Audit Committee and shall appear before the Committee when required to do so by the Audit Committee.

- The Company Secretary shall be the Secretary of the Audit Committee. Minutes of the meetings shall be duly entered in the books provided therefor.

- Meetings shall be held not less than three times a year. The External Auditors may request a meeting if they consider it necessary. The Chairman of the Audit Committee shall convene a meeting of the Committee to consider any matters the External Auditor believes should be brought to the attention of the Directors or Shareholders.

### Authority

- The Audit Committee is authorised by the Board to investigate any activity within its Terms of Reference. It is authorised to seek any information it requires from any employee and all employees are directed to cooperate with any request made by the Audit Committee.

- The Audit Committee is authorised by the Board to obtain outside legal or other independent professional advice and to secure the attendance of outsiders with relevant experience and expertise if it considers this necessary.

Seated/Duduk
Dato'Sadasivan s/o N. N. Pillay

Standing – Left to Right/Berdiri – Kiri ke Kanan
Chew Kong Seng, Mohd Azhar bin Osman Khairuddin



## Duties And Functions

The duties and functions of the Audit Committee shall be :–

a) To consider the appointment of the External Auditor, the audit fee, and any questions of resignation or dismissal of the External Auditor before making recommendation to the Board;

b) To discuss with the External Auditor before the audit commences the nature and scope of the audit, and ensure coordination where more than one audit firm is involved;

c) To review with the Management and the External Auditor the quarterly results and year-end financial statements prior to the approval by the Board, focusing particularly on:
- any change in accounting policies and practices
- significant and unusual events
- major judgmental areas
- significant adjustments resulting from the audit
- the going concern assumption
- compliance with accounting standards
- compliance with stock exchange and legal requirements

d) To arrange for periodic reports from Management, the External Auditors, and the Internal Auditors to assess the impact of significant regulatory changes, and accounting or reporting developments proposed by accounting and other bodies, or any significant matters that may have a bearing on the annual examination;

e) To discuss problems and reservations arising from the interim and final audits, and matters the auditor may wish to discuss (in the absence of Management where necessary);

f) To review the internal audit programme, consider the major findings of internal audits and Management's response, and ensure coordination between the Internal and External Auditors;

g) To review any related party transaction and conflict of interest situation that may arise in the Company including any transaction, procedure or course of conduct that raises questions of management integrity;

h) To keep under review the effectiveness of internal control systems, and the Internal and/or External Auditors' evaluation of these systems and in particular review the External Auditor's Management Letter and Management's response;

i) To review the audit reports;

j) To direct and where appropriate supervise any special project or investigation considered necessary;

k) To prepare periodic report to the Board of Directors summarising the work performed in fulfilling the Audit Committee's primary responsibilities; and

l) To consider other topics, as defined.

## Reporting Procedures

The Secretary shall circulate the minutes of meetings of the Audit Committee to all members of the Board.

## Lembaga Jawatankuasa Audit adalah terdiri daripada 3 orang Pengarah iaitu:–

1. Dato’ Sadasivan s/o N. N. Pillay – Pengerusi
   (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)
2. Chew Kong Seng
   (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)
3. Mohd Azhar bin Osman Khairuddin
   (Pengarah Bukan Eksekutif)

### Perlembagaan

Jawatankuasa Audit telah dibentuk oleh Lembaga Pengarah berikutan keputusan mesyuaratnya pada 14 Ogos 1995.

### Keahlian

- Ahli Jawatankuasa Audit akan dilantik oleh Lembaga Pengarah dari kalangan mereka dan terdiri tidak kurang daripada tiga (3) orang ahli yang secara majoriti ialah Pengarah Bebas. Pengarah Bebas merupakan mereka yang memenuhi kehendak seperti yang dinyatakan dalam Syarat Penyenaraian BSKL.

- Sekurang-kurangnya seorang ahli Jawatankuasa Audit mestilah ahli Institut Akauntan Malaysia atau mestilah mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman kerja dan lulus peperiksaan yang ditetapkan di Bahagian 1 Jadual Pertama Akta Akauntan 1967; atau mestilah mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman kerja dan merupakan ahli salah satu persatuan akauntan yang ditetapkan di Bahagian II Jadual Pertama Akta Akauntan 1967.

- Ahli Jawatankuasa Audit hendaklah melantik Pengerusi di kalangan mereka yang merupakan Pengarah Bebas.

- Jika mana-mana ahli Jawatankuasa Audit meletak jawatan, meninggal dunia atau disebabkan oleh apa jua sebab tidak lagi menjadi ahli yang menyebabkan bilangan ahli kurang daripada tiga (3) orang, Lembaga hendaklah dalam tempoh tiga (3) bulan dari kejadian tersebut, melantik ahli baru mengikut bilangan yang sama seperti yang diperlukan untuk menjadikan jumlah minimum ahli ialah tiga (3) orang.

- Tidak ada pengarah selang ganti boleh dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Audit.

### Mesyuarat

- Korum dalam sesuatu mesyuarat mestilah terdiri daripada dua ahli, kedua-duanya ialah pengarah bebas dan salah seorang daripadanya ialah Pengerusi Jawatankuasa Audit. Sekurang-kurangnya sekali dalam setahun Jawatankuasa Audit mestilah bertemu dengan Juruaudit Luaran tanpa kehadiran mana-mana Pengarah Eksekutif. Juruaudit Luaran berhak untuk hadir dan memberi keterangan dalam mana-mana mesyuarat Jawatankuasa Audit dan hendaklah hadir di hadapan Jawatankuasa apabila dikehendaki berbuat demikian oleh Jawatankuasa Audit.

- Setiausaha Syarikat hendaklah Setiausaha Jawatankuasa Audit. Minit mesyuarat hendaklah dicatat sewajarnya di dalam buku yang disediakan untuknya.

- Mesyuarat hendaklah diadakan tidak kurang daripada tiga kali setahun. Juruaudit Luaran boleh meminta mesyuarat diadakan jika difikirkan perlu. Pengerusi Jawatankuasa Audit akan mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Audit untuk menimbangkan apa-apa perkara yang difikirkan perlu oleh Juruaudit Luar dibawa ke perhatian Pengarah atau Pemegang Saham.

### Kuasa

- Jawatankuasa Audit diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk menyiasat apa-apa aktiviti dalam bidang tugasnya. Jawatankuasa Audit diberi kuasa untuk mendapatkan apa-apa maklumat yang diperlukan dari mana-mana kakitangan dan semua kakitangan diarah untuk memberi kerjasama dengan sebarang permintaan Jawatankuasa Audit.

- Jawatankuasa Audit diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk mendapatkan nasihat undang-undang atau nasihat profesional bebas lain dari luar serta menjamin kehadiran orang luar dengan pengalaman dan kepakaran yang berkaitan jika difikirkan perlu.

## Tugas Dan Fungsi

Tugas dan fungsi Jawatankuasa Audit adalah:-

a) Untuk mempertimbangkan pelantikan Juruaudit Luar, bayaran audit, dan apa-apa persoalan tentang peletakan jawatan atau penamatan khidmat Juruaudit Luar sebelum membuat syor kepada Lembaga;

b) Berbincang dengan Juruaudit Luar sebelum pengauditan bermula mengikut jenis dan skop audit, dan memastikan keselarasan apabila lebih daripada satu firma audit terlibat;

c) Untuk menyemak, bersama-sama pihak Pengurusan dan Juruaudit Luar, penyata suku tahunan dan penyata kewangan akhir tahun sebelum diluluskan oleh Lembaga Pengarah, dengan menumpukan khusus kepada;
   - apa-apa pertukaran polisi dan amalan perakaunan
   - kejadian yang penting dan luar biasa
   - bidang pertimbangan utama
   - andaian kemajuan
   - pematuhan piawai perakaunan
   - pematuhan bursa saham dan kehendak undang-undang

d) Untuk menguruskan laporan berkala daripada Pengurusan, Juruaudit Luaran dan Juruaudit Dalaman untuk menilai kesan perubahan pengawalaturan yang penting, dan perkembangan perakaunan atau laporan yang dicadangkan oleh badan perakaunan dan badan lain, atau apa-apa perkara penting yang berkaitan dengan pemeriksaan tahunan;

e) Untuk membincangkan semua masalah dan kesangsian yang timbul daripada pengauditan interim dan akhir, dan perkara yang ingin dibincangkan oleh juruaudit (tanpa kehadiran pihak Pengurusan jika perlu);

f) Untuk menyemak program audit dalaman, mempertimbangkan dapatan utama pengauditan dalamanan dan maklum balas Pengurusan, dan memastikan keselarasan antara Juruaudit Dalaman dengan Juruaudit Luaran;

g) Untuk menyemak apa-apa urus niaga pihak berkaitan dan keadaan konflik kepentingan yang mungkin timbul di Syarikat termasuk apa-apa urus niaga, prosedur atau pengendalian yang mempersoalkan integriti pengurusan;

h) Untuk mengawal keberkesanan sistem kawalan dalaman, dan penilaian Juruaudit Dalaman dan/atau Luaran terhadap sistem ini dan secara khusus menyemak maklum balas Surat Pengurusan Juruaudit Luaran dan Pengurusan;

i) Untuk menyemak laporan Juruaudit Dalaman;

j) Untuk mengarahkan dan jika berkenaan menyelia mana-mana projek atau penyelidikan khas yang difikirkan perlu;

k) Untuk menyediakan laporan berkala kepada Lembaga Pengarah secara ringkas tentang kerja yang dilaksanakan untuk memenuhi tanggungjawab utama Jawatankuasa Audit; dan

l) Untuk mempertimbangkan topik lain, seperti yang ditentukan.

## Prosedur Laporan

Setiausaha akan mengedarkan minit mesyuarat Jawatankuasa Audit kepada semua Ahli Lembaga Pengarah.



Front – Left to Right/ Hadapan – Kiri ke Kanan
Abd Hamid bin Ibrahim, Basharuddin bin Saad, Tajudin bin Ibrahim

Middle – Left to Right/ Tengah – Kiri ke Kanan
Ungku Ainon binti Ungku Tahir, Syed Mohd Kamal Alhabshi bin Syed Abdul Rahman, Raja Dzahiruddin bin Raja Zainal Abidin

Back – Left to Right/ Belakang – Kiri ke Kanan
Abdul Rahman bin Hussein, Ibrahim bin Johari, Yasir bin Abdul Rahman

## Management Committee
## Jawatankuasa Pengurusan

**Abd Hamid bin Ibrahim**
Managing Director/Chief Executive Officer
Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif

**Tajudin bin Ibrahim**
General Manager, Plant Operations Division
Pengurus Besar, Bahagian Operasi Loji

**Ibrahim bin Johari**
General Manager, Transmission Operations Division
Pengurus Besar, Bahagian Operasi Penyaluran

**Basharuddin bin Saad**
General Manager, Finance Division
Pengurus Besar, Bahagian Kewangan

**Raja Dzahiruddin bin Raja Zainal Abidin**
General Manager, Technical Facilities Development Division
Pengurus Besar, Bahagian Pembangunan Teknikal dan Kemudahan

**Ungku Ainon binti Ungku Tahir**
General Manager, Corporate and Commercial Services Division
Pengurus Besar, Bahagian Perkhidmatan Korporat dan Komersil

**Syed Mohd Kamal Alhabshi bin Syed Abdul Rahman**
General Manager, Centralised Utility Facilities Operations Division
Pengurus Besar, Bahagian Operasi Kemudahan Utiliti Berpusat

**Yasir bin Abdul Rahman**
Senior Manager, Human Resource Managementand Administration Department
Pengurus Kanan, Jabatan Pengurusan Sumber Tenaga Manusia dan Pentadbiran

**Abdul Rahman bin Haji Hussein**
Manager, Corporate Health, Safety and Environment Department
Pengurus, Jabatan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar Korporat



Abdul Hamid bin Ibrahim, aged 53, is the Managing Director and Chief Executive Officer of PETRONAS Gas Berhad. He holds a Masters degree in Petroleum Engineering from Herriot-Watt University, Edinburgh, Scotland and an Associateship of Camborne School of Mines, United Kingdom (UK). He joined PETRONAS in June 1976 as a Production Engineer in the Production Department and since then has held several managerial positions in the upstream sector until April 1991.

This is his third appointment to an MD/CEO position since May 1991: he was MD/CEO of Ethylene Malaysia Sdn. Bhd. and Polyethylene Malaysia Sdn. Bhd. from May 1991-1996 and MD/CEO of Malaysia LNG Sdn. Bhd. and MLNG Dua Sdn. Bhd. from June 1996 until his appointment as MD/CEO of PETRONAS Gas Berhad in September 1999.

He also sits on the Board of various PETRONAS subsidiaries and associate companies. He was appointed to the Board of PETRONAS Gas Berhad in September 1999.

Abdul Hamid bin Ibrahim, 53, ialah Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif PETRONAS Gas Berhad. Beliau berkelulusan ijazah sarjana Kejuruteraan Petroleum dari Herriot-Watt University, Edinburgh, Scotland dan ahli Camborne School of Mines, United Kingdom. Beliau menyertai PETRONAS pada tahun 1976 sebagai Jurutera Pengeluaran di Jabatan Pengeluaran dan sejak itu beliau telah memegang beberapa jawatan pengurus di sektor huluan hingga April 1991.

Ini merupakan perlantikan beliau yang ketiga bagi jawatan Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif sejak Mei 1991: beliau ialah Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Ethylene Malaysia Sdn. Bhd. dan Polyethylene Malaysia Sdn. Bhd. dari Mei 1991-1996 dan Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia LNG Sdn. Bhd. dan MLNG Dua Sdn. Bhd. dari bulan Jun 1996 hingga perlantikan beliau sebagai Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif PETRONAS Gas Berhad pada bulan September 1999.

Beliau juga mengganggotai lembaga pengarah pelbagai subsidiari PETRONAS dan syarikat bersekutu. Beliau dilantik ke Lembaga PETRONAS Gas Berhad pada bulan September 1999.



Tajudin bin Ibrahim, 53, is the General Manager of the Plant Operations Division, PGB. He joined PETRONAS in 1976 as a Project Engineer for the Penang Airport Aircraft Refueling System. He then served Malaysia LNG Sdn. Bhd. (MLNG) from 1978 until 1990 as an Engineer, Project Engineer, Mechanical Engineer, Material Manager and Head of Process Operation. In 1990 he worked on Project Development at the Ethylene Malaysia Sdn. Bhd. til 1992 prior to his appointment as the Plant Operations Manager in MTBE. He assumed his current position in 1998. Tajudin graduated from the University of Stratchclyde, Glasgow, Scotland with a degree in Mechanical Engineering. Prior to joining PETRONAS, he worked with the National Electricity Board.

Tajudin bin Ibrahim, 53 tahun, ialah Pengurus Besar Bahagian Operasi Loji, PGB. Beliau menyertai PETRONAS pada 1976 sebagai Jurutera Projek bagi Sistem Pengisian Bahan api Pesawat di Lapangan Terbang Pulau Pinang. Kemudian, beliau berkhidmat di Malaysia LNG Sdn. Bhd. (MLNG) dari 1978 hingga 1990 sebagai Jurutera, iaitu Jurutera Projek, Jurutera Mekanikal, Pengurus Bahan dan Ketua Operasi Proses. Pada 1990, beliau bertugas di Projek Pembangunan, Ethylene Malaysia Sdn. Bhd. hingga 1992 sebelum dilantik sebagai Pengurus Operasi Loji di MTBE. Beliau menjawat jawatannya sekarang pada 1998. Tajudin ialah lulusan University of Stratchclyde, Glasgow, Scotland dengan ijazah dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal. Beliau bertugas dengan Lembaga Elektrik Negara sebelum menyertai PETRONAS.



Ibrahim bin Johari, 50, is the General Manager, Transmission Operations Division, PGB. He joined PETRONAS in January, 1979 and has wide experience in gas processing and transmission operations. He was Manager of Plant Operations in Kertih, Terengganu from 1984 to 1991. He then held the position as Senior Manager, Gas Transmission Operations at the Segamat Operations Centre from 1991 to 1995 and was promoted as General Manager Transmission Operation/Project for the Peninsular Gas Pipeline Project 3 (PGU III). In April 1996 he was appointed the General Manager of PETRONAS Methanol Labuan Sdn. Bhd. prior to assuming his current position in November 1999.

He holds an Advanced Diploma in Mechanical Engineering from the Universiti Teknologi MARA (UiTM) in 1978 and a post-graduate Diploma in Gas Engineering from the Institute of Gas Technology (IGT), Chicago, USAin 1980

Ibrahim bin Johari, 50 tahun, ialah Pengurus Besar Bahagian Operasi Penyaluran, PGB. Beliau menyertai PETRONAS pada Januari 1979 dan berpengalaman luas dalam operasi pemprosesan dan penyaluran gas. Beliau ialah Pengurus Operasi Loji di Kertih, Terengganu dari 1984 hingga 1991. Kemudian, beliau menjawat jawatan Pengurus Kanan, Operasi Penyaluran Gas di Pusat Operasi Segamat dari 1991 hingga 1995 dan dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Besar Operasi/Projek Penyaluran bagi Projek Saluran Paip Gas Semenanjung 3 (PGU III). Dilantik sebagai Pengurus Besar PETRONAS Methanol Labuan Sdn. Bhd. pada April 1996 sebelum menjawat jawatan sekarang pada November 1999.

Beliau berkelulusan Diploma Lanjutan dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) pada 1978 dan Diploma lepas-ijazah dalam bidang Kejuruteraan Gas dari Institute of Gas Technology (IGT), Chicago, USAdalam tahun 1980.



Basharuddin bin Saad, 46, is the General Manager of the Finance Division as well as the Company Secretary of PGB. He joined PETRONAS in 1980 and has held various positions in the areas of Finance and Accounts, Planning, Treasury, Project Management and Systems Development. He served as Senior Manager, Finance and Accounts with PETRONAS Carigali Sdn. Bhd. from 1990 to 1996, after which he assumed his current position in PGB. Basharuddin worked in a utility corporation and a bank prior to joining PETRONAS. He is a Fellow of the Association of Certified Accountants (UK), a Member of the Malaysian Association of Certified Public Accountants and a Registered Accountant with the Malaysian Institute of Accountants. He also holds a degree in Law from the University of London and a Certificate of Legal Practice from the Qualifying Board, Malaysia.

Basharuddin bin Saad, 46 tahun, ialah Pengurus Besar Bahagian Kewangan dan juga Setiausaha Syarikat bagi PGB. Beliau menyertai PETRONAS pada 1980 dan memegang pelbagai jawatan dalam bidang Kewangan dan Akaun, Perancangan, Perbendaharaan, Pengurusan Projek dan Pembangunan Sistem. Bertugas sebagai Pengurus Kanan, Kewangan dan Akaun di PETRONAS Carigali Sdn. Bhd. dari 1990 hingga 1996, selepas itu beliau menjawat jawatannya sekarang di PGB. Basharuddin bertugas di syarikat utiliti dan bank sebelum menyertai PETRONAS. Beliau ialah Fellow Association of Certified Accountants (UK), Ahli Persatuan Akauntan Awam Bertauliah Malaysia dan Akauntan Berdaftar dengan Institut Akauntan Malaysia. Beliau juga pemegang ijazah Undang-undang University of London dan Sijil Amalan Guaman dari Lembaga Kelayakan, Malaysia.



Raja Dzahiruddin bin Raja Zainal Abidin, 54, is the General Manager of Technical Facilities Development Division, PGB. He joined PETRONAS in 1980 as a Project Engineer with Malaysia LNG Sdn. Bhd.. In 1983, he was appointed Head of Terminal Operations, Malaysia LNG Sdn Bhd until 1987. Raja Dzahiruddin was the Safety Engineer with the Corporate Engineering and Safety Unit, PETRONAS before being assigned to the Malaysia LNG Dua Sdn. Bhd. Project Team in 1990 as the Senior Project Engineer. He then held the position of Construction Manager from 1992 until 1995 when he was promoted to Senior Manager, Plant Projects Department, then PETRONAS Gas Sdn Bhd prior assuming his current position in April 1997. He holds a Chemical Engineering degree from the Cologne Technical College in Germany.

Raja Dzahiruddin bin Raja Zainal Abidin, 54 tahun, ialah Pengurus Besar Bahagian Pembangunan Kemudahan Teknikal, PGB. Beliau menyertai PETRONAS pada 1980 sebagai Jurutera Projek dengan Malaysia LNG Sdn. Bhd. Pada 1983, beliau dilantik sebagai Ketua Operasi Terminal, Malaysia LNG Sdn. Bhd. sehinggalah 1987 beliau dilantik pula sebagai Jurutera Keselamatan dengan Unit Kejuruteraan dan Keselamatan Korporat PETRONAS sebelum ditugaskan ke Kumpulan Projek Malaysia LNG Dua Sdn. Bhd. pada 1990 sebagai Jurutera Kanan Projek. Beliau kemudiannya memegang jawatan Pengurus Pembinaan dari 1992 hingga 1995 apabila dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Kanan, Jabatan Projek Loji, pada masa itu PETRONAS Gas Sdn. Bhd., sebelum menjawat jawatannya sekarang pada April 1997. Beliau berkelulusan ijazah Kejuruteraan Kimia dari Cologne Technical College di Jerman.



Ungku Ainon binti Ungku Tahir, 46, is the General Manager of Corporate and Commercial Services Division. She joined PETRONAS in 1981 with the Training and Manpower Development Department and later served the Finance and Services Division. In 1986, she joined the Planning, Budgeting and Information Services Division as a Senior Planning Analyst. Two years later, in 1988, she was appointed as a Team Leader in the Management Information Systems Department, PETRONAS. In 1989, she was promoted as Manager of the Planning and Implementation Coordination Unit, Corporate Planning, PETRONAS and in 1992 she became Senior Manager, Industry Research and Information Unit, Corporate Planning and Development Division. She assumed her current position in April 2000. She holds a degree in Computer Science and a Masters Degree in Management.

Ungku Ainon binti Ungku Tahir, 46 tahun, ialah Pengurus Besar Bahagian Perkhidmatan Korporat dan Komersil. Beliau menyertai PETRONAS pada 1981 di Jabatan Latihan dan Pembangunan Tenaga Manusia dan kemudiannya berkhidmat di Bahagian Kewangan dan Perkhidmatan. Pada 1986, beliau menyertai Bahagian Perancangan, Belanjawan dan Perkhidmatan Maklumat sebagai Juruanalisis Kanan Perancangan. Dua tahun kemudian, pada 1988, beliau dilantik sebagai Ketua Kumpulan di Jabatan Sistem Pengurusan Maklumat, PETRONAS. Pada 1989, beliau dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Unit Perancangan dan Penyelarasan Pelaksanaan Perancangan Korporat, PETRONAS dan pada 1992 beliau dilantik sebagai Pengurus Kanan, Unit Penyelidikan dan Maklumat Industri, Bahagian Perancangan dan Pembangunan Korporat. Beliau menjawat jawatannya sekarang pada April 2000. Beliau berkelulusan ijazah sarjana muda Sains Komputer dan ijazah sarjana dalam bidang Pengurusan.



Syed Mohd Kamal Alhabshi bin Syed Abdul Rahman, 45, is the General Manager, Centralised Utility Facilities Operations Division, PGB. He joined PETRONAS Gas in 1981 during the design and construction phase of the first Gas Processing Plant (GPP) in Kertih, Malaysia and was later assigned to operate the plant. During the expansion phase of the GPPs he was the Lead Commissioning Engineer for GPP2. In 1995, he joined the Project Team to work on the GPPs 5 & 6 conceptual and basic design. He was promoted to Operations Manager of the GPPs 1, 2, 3 & 4, a position he held until 1997 when he assume the position of Project Manager of the CUF for Kertih and Gebeng. He took on his current position in August 2000. Syed Mohd Kamal holds a diploma and an Advanced Diploma in Mechanical Engineering from the Universiti Teknologi Mara.

Syed Mohd Kamal Alhabshi bin Syed Abdul Rahman, 45 tahun, ialah Pengurus Besar Bahagian Operasi Kemudahan Utiliti Berpusat (CUF), PGB. Beliau menyertai PETRONAS Gas pada 1981 semasa fasa reka bentuk dan pembinaan Loji Memproses Gas (GPP) yang pertama di Kertih, Malaysia dan kemudian ditugaskan mengendalikan loji tersebut. Semasa fasa pembesaran GPP, beliau ialah Ketua Jurutera Pentauliahan bagi GPP 2. Pada 1995, beliau menyertai Kumpulan Projek yang bertugas mereka bentuk konsep dan asas GPP 5 & 6. Beliau dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Operasi GPP1, 2, 3 & 4, jawatan yang dipegang sehingga 1997 apabila beliau menjawat jawatan Pengurus Projek CUF untuk Kertih dan Gebeng. Beliau menjawat jawatannya sekarang pada Ogos 2000. Beliau berkelulusan diploma dan Diploma Lanjutan dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal dari Universiti Teknologi Mara.



Yasir bin Abdul Rahman, 43, is the Senior Manager of the Human Resource Management and Administration Department, PGB. He joined PETRONAS in 1981 as a Personnel Officer with MLNG. In 1987, he moved to ASEAN Bintulu Fertilizer Sdn. Bhd. as Senior Executive, then as its Manager, Human Resource Management Department. In 1994, he became the Senior Manager, Human Resource Management and Administration, PETRONAS Carigali Sdn. Bhd. He assumed his current position in January 1997. Yasir graduated from the University of Malaya in 1980 with a degree in Anthropology and Sociology.

Yasir bin Abdul Rahman, 43 tahun, ialah Pengurus Kanan Jabatan Pengurusan dan Pentadbiran Sumber Manusia, PGB. Beliau menyertai PETRONAS pada 1981 sebagai Pegawai Perjawatan dengan MLNG. Pada 1987, beliau berpindah ke ASEAN Bintulu Fertilizer Sdn. Bhd. sebagai Eksekutif Kanan, kemudiannya sebagai Pengurus, Jabatan Pengurusan Sumber Manusia. Pada 1994, beliau menjawat jawatan Pengurus Kanan, Pengurusan dan Pentadbiran Sumber Manusia, PETRONAS Carigali Sdn. Bhd. Beliau menjawat jawatannya sekarang pada Januari 1997. Beliau berkelulusan ijazah dalam Antropologi dan Sosiologi dari Universiti Malaya pada tahun 1980.



Abdul Rahman bin Haji Hussein, 43, is the Manager of the Corporate Health, Safety & Environment, PGB. His career in PETRONAS started at the PETRONAS Penapisan Terengganu Sdn Bhd (PPTSB) in 1984 as its Analytical Chemist. He continued to serve PPTSB as its Process Technologist and Production Planner until 1990 when he joined PGB as Head of Production Planning with the Plant Operations Division (POD) in Kertih. In 1995, he was appointed as Head of Quality Management, POD and in the following year as Manager, HSE and Quality Management Department in the Transmission Operations Division (TOD). He took on his current position in April 2000. He graduated from the Northumbria University, Newcastle upon Tyne, United Kingdom with a degree in Applied Chemistry.

Abdul Rahman bin Haji Hussein, 43 tahun, ialah Pengurus Kesihatan, Keselamatan & Alam Sekitar Korporat, PGB. Kerjayanya di PETRONAS bermula di PETRONAS Penapisan Terengganu Sendirian Berhad (PPTSB) pada 1984 sebagai Ahli Kimia Analitikal. Beliau meneruskan perkhidmatannya di PPSTB sebagai Ahli Teknologi Proses dan Perancang Pengeluaran sehingga 1990 dan menyertai PGB sebagai Ketua Perancangan Pengeluaran di Bahagian Operasi Loji (POD) di Kertih. Pada 1995, beliau dilantik sebagai Ketua Pengurusan Kualiti, POD dan pada tahun berikutnya sebagai Pengurus, Jabatan HSE dan Pengurusan Kualiti di Bahagian Operasi Penyaluran (TOD). Beliau memegang jawatannya sekarang pada April 2000. Beliau ialah lulusan Northumbria University, Newcastle upon Tyne, United Kingdom dengan ijazah dalam bidang Kimia Gunaan.

PETRONAS Gas Berhad ("PGB" or the "Company") recognises that maintaining the trust and confidence of shareholders, employees, customers and other people with whom it interacts and does business, as well as the communities in which it operates, is crucial to the Company's continued growth and success.

Its Board of Directors thus is committed to direct and manage the Company towards enhancing business prosperity and corporate accountability with the objective of realising shareholder value, whilst taking into account the interests of other stakeholders.

The Company therefore takes every step to ensure compliance to the principles of good corporate governance for Malaysia, to adhere to the Malaysian Code on Corporate Governance's (the "Code") best practices for companies and to fulfil the provisions of the recently revamped listing requirements of the Kuala Lumpur Stock Exchange ("the KLSE Listing Requirements").

## The Board and Board Committees

PGB is led and managed by an experienced Board comprising members with a wide range of business, financial, technical and public service background. The directors also have experience in other related and unrelated industries. This wide spectrum of skills and experience gives added strength to the leadership, thus enabling the Company to rest firmly in the charge of an accountable and competent Board of Directors.

Board meetings are held at quarterly intervals with additional meetings held whenever necessary. The Board met four (4) times during the year under review. All directors fulfilled the requirements of the Articles of Association in respect of board meeting attendance.

Meeting attendances of the Board members are as below:

| Name | Attendance |
|---|---|
| Tan Sri Dato' Mohd Hassan bin Marican | 4/4 |
| Abd Hamid bin Ibrahim | 4/4 |
| Dato' Mohamad Idris bin Mansor | 1/4 |
| Dato' Hamzah bin Bakar | 4/4 |
| Muri bin Muhammad | 4/4 |
| Dato' Sadasivan s/o N.N.Pillay | 3/4 |
| Chew Kong Seng | 4/4 |
| Mohd Azhar bin Osman Khairuddin | 4/4 |

The Board has also delegated certain responsibilities to the Board Audit Committee, which operates within clearly defined terms of reference. The Chairman of this Committee reports the outcomes of Committee meetings to the Board and such reports are incorporated as part of the minutes of the Board meetings.

The Board may, whenever required, set up Board committees delegated with specific powers and responsibilities. In cognizance of the recommendations of the Code, the Board is looking into the establishment of the Board Remuneration Committee and Nomination Committee.

## Board Composition

The PGB Board currently comprises eight (8) members: one (1) executive director who is also the managing director, two (2) independent non-executive directors and five (5) non-executive directors including the Chairman. The profile of each director is presented in this Annual Report on pages 12 to 17 . The Company is reviewing the Board composition and will be appointing an additional independent non-executive director in line with the revamped KLSE Listing Requirements. It is the practice of the Company that each new director is given a comprehensive understanding of the operations of the Company including briefings of the Company's history, financial control systems and plant visits to ensure first hand understanding of the plant operations.

The Company practises a clear demarcation of responsibilities and a balance of power and authority. The positions of the Chairman and the Managing Director are individually held by two persons. The Chairman is primarily responsible for the orderly conduct and working of the Board. The Managing Director is responsible for the day to day running of the business, implementation of Board policies and making operational decisions. The position description of the Managing Director who is also the Chief Executive Officer of the Company includes definition of the limits to management's responsibilities. The Managing Director is assisted in managing the business by the Management Committee, which he consults often.

The non-executive directors have the necessary calibre to ensure that the strategies proposed by the Management are fully deliberated and examined, taking into account the long-term interest of the stakeholders. They contribute to the formulation of policy and decision-making through their expertise and experience. They also provide guidance, promote professionalism and appraises the competency of management and employees.

The presence of the independent non-executive directors is essential as they provide unbiased and independent views, advise and judgement as well as to safeguard the interest of other parties such as minority shareholders and the community.

The Articles of Association of the Company provides that at least one third of the directors, excluding the Managing Director, are subject to retirement by rotation at each Annual General Meeting but shall be eligible for re-election. An amendment is being incorporated to the Articles of Association to provide that the Managing Director shall also retire once at least in each three years and shall be eligible for re-election to be in line with the KLSE Listing Requirements.

## Providing Information to the Board

Prior to Board meetings, every director is given an agenda and a set of Board papers for each agenda item to facilitate informed decision-making. The Managing Director will lead the presentation of board papers and provide comprehensive explanation of pertinent issues. In arriving at any decision on recommendations by the Management, thorough deliberation and discussion by the Board is a prerequisite. All proceedings from the Board meetings are minuted and signed by the Chairman of the meeting in accordance with the provision of Section 156 of the Companies Act, 1965.

The Board is kept updated on the Company's activities and its operations on a regular basis. The directors also have access to monthly reports on Company activities, both financial and operational via the Company's intranet or in hard copies.

All directors have access to the advice and services of the Company Secretaries who are responsible for ensuring that board procedures are followed.

For each financial year, the Board shall approve the Company's Plans and Budget including cash flow forecast for the year and outlined projections for the four (4) subsequent years, which is one of the key responsibilites of the Managing Director. These plans and budget are prepared by respective operating units and support service units and reviewed by the Company's Management Committee before seeking the Board's approval. Both the Management and the Board received and reviewed the budget results on a monthly basis. Presentation of the results and variances against the budget are made to the Board on quarterly basis.

## The Board Audit Committee

This committee comprises three (3) directors namely Dato' Sadasivan s/o N.N.Pillay (Chairman, independent non-executive director, Chew Kong Seng (independent non-executive director) and Mohd. Azhar bin Osman Khairuddin (non-executive director). Chew Kong Seng is a member of the Malaysian Institute of Accountants.

The committee functions in accordance with the terms of reference as stated in pages 18 to 19. Its activities cover the review of financial statements, accounting policies, appointment of external auditors and their remuneration. The committee also reviews the internal audit plan and the adequacy of the internal control system.

The internal audit function of the Company was being carried out by the internal audit division of PETRONAS, the holding company. The internal audit function is thus independent of the activities they audit. They maintained their impartiality, proficiency and due professional care by having their plans and reports being directly under the purview of the Board Audit Committee.

During the year, the Company has conducted internal audits on Centralised Utility Facilites' project management, Plant Operation Division's material and services activities, Finance Division's activities and Compressor Stations operation and maintenance management activities. The Board Audit Committee has full access to both internal and external auditors and receives reports on all audit performed.

The Committee members meet quarterly with additional meetings when needed. During the year, the Committee met five (5) times. By invitation, the Managing Director and the Company Secretary were present at all the meetings. External and internal auditors and the General Manager of Finance Division were also present during deliberations which required their inputs and advice.

Meeting attendances of the Board Audit Committee members are as below:

| Name | Attendance |
|---|---|
| Dato' Sadasivan s/o N.N.Pillay | 5/5 |
| Chew Kong Seng | 5/5 |
| Mohd Azhar bin Osman Khairuddin | 3/5 |

## Directors' Remuneration

All the non-executive directors are provided with directors fees. The directors fees are approved by the shareholders at the Annual General Meeting, based on the recommendation of the Board. For the year of review, none of the non-executive directors received directors fees of more than RM50,000 each.

The remuneration of the Managing Director is charged by the Holding Company as management fees expense. The Company also reimburses reasonable expenses incurred by these Directors where required, in the course of carrying out their duties as Directors.

## Relations with Shareholders

The Company recognises the importance of timely and equal dissemination of information to shareholders and stakeholders. In this regard, it strictly adheres to the disclosure requirements of the Kuala Lumpur Stock Exchange (KLSE).

The Annual General Meeting (AGM) is a crucial mechanism in shareholder communication. Shareholders are notified of the meeting and provided with a copy of the Company's Annual Report 21 days before the meeting. At each AGM, the Board presents the progress and performance of the Company and provides shareholders with an opportunity to ask for more information, without limiting the time and type of questions asked, prior to seeking approval by show of hands from members and proxies on the audited accounts.

During the meeting, the Chairman and Board members are prepared to respond to all queries and undertake to provide sufficient clarification on issues and concerns raised by the shareholders. The external auditors are also present to provide their professional and independent clarification on issues and concerns raised by the shareholders. Status of all resolutions proposed at the AGM are submitted to the KLSE at the end of the meeting day. Summary of the discussion at the AGM is kept by management for future reference.

The Board has ensured that each item of special business included in the notice of the annual or extraordinary general meeting must be accompanied by a full explanation of the effects of a proposed resolution.

During the year, in providing shareholders with the opportunity to gain first-hand exposure on the Company's operations, visitation programs to its gas processing plants and its centralised utility facilities were organised. A presentation of the Company's operations and direct dialogue between management and shareholders were made available in each visitation program. Management believes that shareholders by having a better understanding of the Company's activities will enhance their sense of belonging to the Company.

Institutional investors are also welcomed and have equal opportunity to meet our management about performance, corporate governance and other matters affecting shareholders' interest.

In all circumstances, the Company is cautious not to provide undisclosed material information about the Company and frequently stressed on the importance of timely and equal dissemination of information to shareholders and stakeholders.

## Financial Reporting

The directors are responsible to ensure that financial statements are drawn up in accordance with the provisions of the Companies Act, 1965 and applicable approved accounting standards in Malaysia. In presenting the financial statements, the Company has used appropriate accounting policies, consistently applied and supported by reasonable and prudent judgements and estimates. The directors also strive to ensure that financial reporting present a fair assessment of the Company's position and prospects.

Quarterly financial statements were reviewed by the Board Audit Committee and approved by the Board of Directors prior to release to KLSE.

## Internal Control

Internal control mechanism is embedded in the various work processes and procedures at appropriate levels in the Company. The Managing Director is accountable for ensuring the existence and effectiveness of internal control and provides leadership and direction to senior management on the manner the Company controls its business activities. In developing the internal control system, consideration is given to overall control environment of the Company, assessment of both operational and financial risks and effective monitoring mechanism.

While the Management has full responsibility in ensuring the effectiveness of internal control which it establishes, the Board of Directors has the authority to assess the state of internal control as it deems necessary. In doing so, the Board has the right to information and clarification from Management as well as to seek inputs from the Board Audit Committee, external and internal auditors, and other experts at the expense of the Company.

The Company has a documented delegation of authority with clear lines of accountability and responsibility. It sets out the decisions that need to be taken and the appropriate approving authority at various levels of Management including matters that require Board approval.

To assist the Board in fulfilling this role, the Board Audit Committee in its advisory capacity is established with specific terms of reference which include the overseeing and monitoring of the Company's financial reporting system and the internal and external audit processes.

Whilst the Board also review the key business and financial risks facing the Company, there are also dedicated committees or units in the Company to review and monitor risks in relation to credit and liquidity/cash flow and to make appropriate recommendations thereto. Assistance is also obtained from the Holding Company which has established the Risk Management Committee to look into the potential risks and the system to manage the risks for the PETRONAS group.

## Relationship with the Auditors

The external auditors, Messrs. KPMG Desa Megat & Co., has continued to report to members of the Company on their findings which are included as part of the Company's financial reports with respect to each year's audit on the statutory financial statements. In so doing, the Company has established a transparent arrangement with the auditors to meet the auditors' professional requirements. From time to time, the auditors highlight to the Board Audit Committee and Board of Directors on matters that require the Board's attention.

PETRONAS Gas Berhad ("PGB" atau "Syarikat") mengiktiraf bahawa mengekalkan kepercayaan dan keyakinan pemegang saham, kakitangan, pelanggan dan mereka yang berkaitan dalam perniagaannya, serta masyarakat di tempat ia beroperasi, adalah penting bagi pertumbuhan dan kejayaan berterusan syarikat.

Lembaga Pengarah dengan ini bertanggungjawab memberi arah tunjuk dan menguruskan Syarikat ke arah meningkatkan kemakmuran perniagaan dan kebertanggungjawaban korporat dengan matlamat merealisasikan nilai pemegang saham, di samping mengambil kira pemegang kepentingan lain.

Oleh itu, Syarikat mengambil segala langkah untuk memastikan pematuhan kepada prinsip bagi tadbir urus korporat yang baik di Malaysia, mengikuti amalan terbaik Kod mengenai Tadbir Urus Korporat di Malaysia ("Kod") bagi syarikat dan memenuhi peruntukan perubahan terkini kehendak penyenaraian Bursa Saham Kuala Lumpur ("Syarat-Syarat Penyenaraian BSKL").

## Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah

PGB diterajui dan diurus oleh Lembaga Pengarah yang berpengalaman dengan ahli yang mempunyai pelbagai latar belakang perniagaan, kewangan, teknikal dan perkhidmatan awam. Para pengarahnya juga berpengalaman dalam industri lain yang berkaitan dan tidak berkaitan. Kemahiran dan pengalaman yang lebih luas ini memberi kekuatan tambahan kepada kepemimpinan syarikat, seterusnya membolehkan Syarikat berada dalam kedudukan yang mantap di bawah Lembaga Pengarah yang bertanggungjawab dan cekap.

Mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan pada tiap-tiap suku tahun dengan mesyuarat tambahan apabila perlu. Lembaga Pengarah bermesyuarat empat (4) kali pada tahun dalam semakan. Semua pengarah memenuhi syarat kehadiran mesyuarat seperti yang dikehendaki oleh Tataurusan Persatuan.

Kehadiran Ahli Lembaga Pengarah dalam mesyuarat adalah seperti yang berikut:

| Nama | Kehadiran |
|---|---|
| Tan Sri Dato' Mohd Hassan bin Marican | 4/4 |
| Abd Hamid bin Ibrahim | 4/4 |
| Dato' Mohamad Idris bin Mansor | 1/4 |
| Dato' Hamzah Idris bin Bakar | 4/4 |
| Muri bin Muhammad | 4/4 |
| Dato' Sadasivan a/l N.N. Pillay | 3/4 |
| Chew Kong Seng | 4/4 |
| Mohd Azhar bin Osman Khairuddin | 4/4 |

Lembaga Pengarah juga telah menyerahkan tanggungjawab tertentu kepada Jawatankuasa Lembaga Audit, yang bertindak mengikut bidang kuasa yang ditentukan dengan jelas. Pengerusi Jawatankuasa ini melaporkan hasil mesyuarat Jawatankuasa kepada Lembaga Pengarah dan laporan tersebut dikemukakan sebagai sebahagian daripada minit mesyuarat Lembaga Pengarah.

Lembaga Pengarah boleh, pada bila-bila masa diperlukan, menubuhkan jawatankuasa Lembaga Pengarah yang diserahkan tanggungjawab dan kuasa khusus. Dengan mengambil kira cadangan Kod, Lembaga Pengarah sedang mengkaji untuk mewujudkan Jawatankuasa Ganjaran Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Perlantikan.

## Komposisi Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah PGB sekarang terdiri daripada lapan (8) orang ahli: seorang (1) pengarah eksekutif yang juga selaku pengarah urusan, dua (2) orang pengarah bebas bukan eksekutif dan lima (5) orang pengarah bukan eksekutif termasuk Pengerusi. Profil setiap pengarah dikemukakan dalam Laporan Tahunan ini di halaman 12 hingga 17. Syarikat sedang mengkaji komposisi Lembaga Pengarah dan akan melantik seorang lagi pengarah bebas bukan eksekutif selaras dengan perubahan dalam Syarat-syarat Penyenaraian BSKL. Ini adalah amalan Syarikat di mana setiap pengarah baru diberi pemahaman menyeluruh tentang operasi Syarikat termasuk penerangan tentang sejarah Syarikat, sistem kawalan kewangan dan lawatan ke loji untuk memastikan pemahaman secara langsung mengenai operasi loji.

Syarikat mengamalkan pembatasan tanggungjawab yang jelas dan imbangan kuasa dan autoriti. Jawatan Pengerusi dan Pengarah Urusan dipegang oleh dua individu berlainan. Pengerusi bertanggungjawab terutamanya kepada kelakuan dan cara kerja yang teratur Lembaga Pengarah. Pengarah Urusan bertanggungjawab menjalankan urusan perniagaan harian, perlaksanaan polisi Lembaga Pengarah dan membuat keputusan operasi. Jawatan Pengarah Urusan yang juga merupakan Ketua Pegawai Eksekutif termasuklah menentukan had kepada tanggungjawab pengurusan. Pengarah Urusan dibantu dalam menguruskan perniagaan oleh Jawatankuasa Pengurusan, di mana beliau biasanya merujuk.

Pengarah bukan eksekutif mempunyai kebolehan yang diperlukan untuk memastikan strategi yang disyor oleh Pihak Pengurusan dipertimbang dan diteliti sepenuhnya, dengan mengambil kira kepentingan jangka panjang pemegang pelbagai kepentingan. Mereka memberikan sumbangan terhadap perumusan polisi dan pembuatan keputusan berdasar kepakaran dan pengalaman mereka. Mereka juga menyediakan bimbingan, menggalakkkan profesionalisme dan menilai kecekapan pengurusan dan pekerja.

Kehadiran pengarah bebas bukan eksekutif adalah penting kerana mereka memberikan pandangan, nasihat dan pertimbangan yang bebas serta melindungi kepentingan pihak lain seperti pemegang saham minoriti dan masyarakat.

Tataurusan Persatuan bagi Syarikat memperuntukkan bahawa sekurang-kurangnya satu pertiga daripada bilangan pengarah, tidak termasuk Pengarah Urusan, adalah tertakluk pada persaraan bergilir pada tiap-tiap Mesyuarat Agung Tahunan tetapi layak untuk pemilihan semula. Pindaan sedang dimasukkan dalam Tataurusan Persatuan untuk memperuntukkan bahawa Pengarah Urusan juga hendaklah bersara sekali sekurang-kurangnya dalam setiap tiga tahun tetapi layak untuk pemilihan semula selaras dengan Syarat-Syarat Penyenaraian BSKL.

## Menyedia Maklumat kepada Lembaga Pengarah

Sebelum mesyuarat Lembaga Pengarah, setiap pengarah diberi agenda dan satu set kertas Lembaga Pengarah untuk setiap perkara agenda bagi memudahkan membuat keputusan. Pengarah Urusan akan mengetuai pembentangan kertas lembaga pengarah dan memberi penerangan menyeluruh tentang isu berkaitan. Dalam membuat sebarang keputusan, atas syor pihak Pengurusan, pertimbangan dan perbincangan yang teliti oleh Lembaga Pengarah adalah merupakan prasyarat. Semua perjalanan mesyuarat Lembaga Pengarah dicatat dan ditandatangani oleh Pengerusi mesyuarat sejajar dengan peruntukan Seksyen 156, Akta Syarikat 1965.

Lembaga Pengarah sentiasa diberitahu tentang aktiviti Syarikat dan operasinya pada satu asas yang tetap. Pengarah juga boleh mendapatkan laporan bulanan tentang aktiviti kewangan dan operasi syarikat melalui intranet atau salinan cetak.

Semua pengarah boleh mendapatkan nasihat dan khidmat Setiausaha Syarikat yang bertanggungjawab memastikan prosedur Lembaga Pengarah diikuti.

Bagi setiap tahun kewangan, Lembaga Pengarah akan meluluskan Rancangan dan Belanjawan Syarikat termasuklah jangkaan aliran tunai untuk tahun berkenaan dan unjuran garis kasar untuk empat (4) tahun berikutnya, di mana ia merupakan salah satu tanggungjawab utama Pengarah Urusan. Rancangan dan Belanjawan ini disediakan oleh unit operasi yang berkaitan dan unit khidmat sokongan dan disemak semula oleh Jawatankuasa Pengurusan Syarikat sebelum mendapat kelulusan Lembaga Pengarah. Pihak Penguruan dan Lembaga Pengarah menerima dan menyemak keputusan belanjawan pada setiap bulan. Pembentangan keputusan dan perbezaan dengan

belanjawan diadakan kepada Lembaga Pengarah setiap suku tahun.

## Jawatankuasa Lembaga Audit

Jawatankuasa ini terdiri dari tiga (3) orang pengarah iaitu Dato' Sadasivan a/l N.N. Pillay (Pengerusi, pengarah bebas bukan eksekutif), Chew Kong Seng (pengarah bebas bukan eksekutif) dan Mohd. Azhar bin Osman Khairuddin (pengarah bukan eksekutif). Chew Kong Seng ialah ahli Institut Akauntan Malaysia.

Jawatankuasa berfungsi menurut bidang kuasa yang dinyatakan di halaman 20 hingga 21. Aktivitinya meliputi penyemakan penyata kewangan, dasar perakaunan, pelantikan juruaudit luaran dan ganjaran mereka. Jawatankuasa ini juga menyemak pelan audit dalaman dan kemampuan sistem kawalan dalaman.

Fungsi audit dalaman Syarikat dijalankan oleh bahagian audit dalaman PETRONAS, syarikat pemegang. Fungsi audit dalaman adalah bebas ke atas segala aktiviti yang diaudit. Mereka mengekalkan kecekapan, bebas dan profesional dengan mempunyai rancangan dan laporan mereka di bawah skop Jawatankuasa Lembaga Audit.

Dalam tahun ini, Syarikat telah menjalankan audit dalaman untuk pengurusan projek Kemudahan Utiliti Berpusat, aktiviti perkhidmatan dan bahan Bahagian Operasi Loji dan aktiviti di Bahagian Kewangan. Jawatankuasa Lembaga Audit mempunyai akses kepada juruaudit dalaman dan luaran dan menerima laporan semua audit yang dijalankan.

Ahli Jawatankuasa bermesyuarat pada tiap-tiap suku tahun dengan mesyuarat tambahan apabila perlu. Pada tahun ini, Jawatankuasa telah bermesyuarat lima (5) kali. Pengarah Urusan dan Setiausaha Syarikat hadir dalam semua mesyuarat atas undangan. Juruaudit dalaman dan luaran serta Pengurus Besar Bahagian Kewangan turut hadir ketika pertimbangan dibuat yang memerlukan input dan nasihat mereka.

Kehadiran Ahli Jawatankuasa Lembaga Audit dalam mesyuarat adalah seperti yang berikut:

| **Nama** | **Kehadiran** |
|---|---|
| Dato' Sadasivan a/l N.N. Pillay | 5/5 |
| Chew Kong Seng | 5/5 |
| Mohd Azhar bin Osman Khairuddin | 3/5 |

## Ganjaran Pengarah

Kesemua pengarah bukan eksekutif diberikan bayaran pengarah. Bayaran pengarah diluluskan oleh pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan, berdasarkan kepada cadangan Lembaga Pengarah. Untuk tahun dalam kajian, tiada pengarah bukan eksekutif yang menerima bayaran pengarah melebihi RM50,000 seorang.

Ganjaran pengarah Urusan diberikan oleh Syarikat Pemegang sebagai perbelanjaan bayaran pengurusan. Syarikat juga membayar balik perbelanjaan yang berpatutan yang ditanggung oleh Pengarah ini bila mana diperlukan, dalam menjalankan tanggungjawab sebagai Pengarah.

## Perhubungan dengan Pemegang Saham

Syarikat mengakui betapa pentingnya untuk menyampaikan maklumat tepat pada masanya kepada pemegang saham dan pemegang kepentingan. Oleh itu, ia mematuhi sepenuhnya kehendak pendedahan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) adalah mekanisme penting dalam perhubungan pemegang saham. Para pemegang saham diberitahu tentang mesyuarat dan diberikan satu salinan Laporan Tahunan syarikat 21 hari sebelum mesyuarat. Dalam setiap AGM, Lembaga Pengarah mengemukakan kemajuan dan pencapaian syarikat dan memberi peluang kepada pemegang saham untuk mendapatkan lebih banyak maklumat, tanpa menghadkan masa dan jenis soalan yang dikemukakan, sebelum mendapatkan kebenaran daripada ahli dan proksi dengan mengangkat tangan, mengenai akaun teraudit.

Semasa mesyuarat, Pengerusi dan ahli Lembaga Pengarah bersedia untuk menjawab semua pertanyaan dan memberikan penjelasan yang lengkap tentang isu dan hal yang dibangkitkan oleh pemegang saham. Juruaudit luaran juga turut hadir untuk memberikan penjelasan mereka yang profesional dan bebas mengenai isu dan perhatian yang dibangkitkan oleh pemegang saham. Status kesemua resolusi yang dicadangkan pada AGM akan dihantar ke BSKL pada penghujung hari mesyuarat. Ringkasan perbincangan pada AGM akan disimpan oleh pengurusan untuk rujukan pada masa hadapan.

Lembaga Pengarah memastikan setiap butiran urusniaga khas termasuk notis mesyuarat agung tahunan atau luar mesti disertakan dengan penjelasan penuh kesan daripada cadangan resolusi.

Di dalam tahun semasa, bagi memberi peluang kepada pemegang saham untuk mendapatkan pendedahan langsung tentang operasi syarikat, program lawatan ke loji pemprosesan gas dan kemudahan utiliti berpusat telah diadakan. Pembentangan operasi Syarikat dan dialog secara langsung di antara pengurusan dan pemegang saham turut diadakan pada setiap program lawatan. Pengurusan percaya bahawa pemegang saham yang mempunyai pemahaman yang lebih baik terhadap aktiviti Syarikat akan meningkatkan perasaan kepunyaan kepada Syarikat.

Pelabur institusi turut diundang dan mempunyai peluang yang sama untuk bertemu pengurusan kami mengenai prestasi, tadbir urus korporat dan lain-lain perkara yang melibatkan kepentingan pemegang saham.

Dalam semua keadaan, syarikat berwaspada untuk tidak memberikan maklumat fizikal mengenai Syarikat dan sering menekankan kepentingan masa dan penyebaran sama rata maklumat kepada pemegang saham dan pemegang kepentingan.

## Pelaporan Kewangan

Para pengarah bertanggungjawab untuk memastikan penyata kewangan disiapkan menurut peruntukan Akta Syarikat 1965 dan piawaian perakaunan yang diluluskan dan diguna di Malaysia. Dalam mengemukakan penyata kewangan, Syarikat menggunakan dasar perakaunan yang bertepatan, sentiasa diguna pakai dan disokong oleh pertimbangan dan jangkaan yang berpatutan dan wajar. Para Pengarah juga berusaha untuk memastikan pelaporan kewangan memberikan penilaian yang saksama terhadap prospek dan kedudukan Syarikat.

Penyata kewangan suku tahun disemak oleh Jawatankuasa Lembaga Audit dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah sebelum diserahkan kepada BSKL.

## Kawalan Dalaman

Mekanisme kawalan dalaman terangkum dalam pelbagai proses dan prosedur kerja pada peringkat yang sesuai dalam syarikat. Pengarah Urusan bertanggungjawab memastikan kewujudan dan keberkesanan kawalan dalaman dan memberi panduan dan arahan kepada pengurusan kanan tentang cara syarikat mengawal aktiviti perniagaannya. Dalam melaksanakan sistem kawalan dalaman, perhatian diberi kepada kawalan menyeluruh persekitaran syarikat, penilaian terhadap risiko operasi dan kewangan serta mekanisme pengawasan yang efektif.

Meskipun Pengurusan bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan keberkesanan kawalan dalaman yang ditetapkannya, namun Lembaga Pengarah mempunyai autoriti untuk mengetahui keadaan kawalan dalaman apabila dianggap perlu. Oleh itu, dalam melaksanakannya Lembaga Pengarah berhak mendapatkan maklumat dan penjelasan daripada Pengurusan di samping mendapatkan input daripada Jawatankuasa Lembaga Audit, juruaudit dalaman dan luaran, dan pakar lain dengan perbelanjaan Syarikat.

Syarikat mempunyai penugasan kuasa yang didokumenkan dengan garis kebertanggungjawaban dan tanggungjawab yang jelas. Ia menentukan keputusan yang perlu diambil dan autoriti melulus yang sesuai di pelbagai peringkat Pengurusan termasuk perkara yang memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah.

Bagi membantu Lembaga Pengarah menyempurnakan peranan ini, Jawatankuasa Lembaga Audit yang mempunyai keupayaan untuk menasihat telah ditubuhkan dengan bidang kuasa tertentu yang meliputi penyeliaan dan pengawasan sistem pelaporan kewangan syarikat dan proses audit dalaman dan luaran.

Lembaga Pengarah juga menyemak urus niaga utama dan risiko kewangan yang dihadapi oleh Syarikat, terdapat juga jawatankuasa atau unit yang diserahkan tugas oleh Syarikat untuk menyemak dan memantau risiko di dalam perkara yang berkaitan dengan risiko dan kecairan/aliran tunai dan membuat cadangan sewajarnya. Pertolongan juga diperolehi daripada Syarikat Pemegang yang telah mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Risiko untuk melihat potensi risiko dan sistem untuk menguruskan risiko bagi kumpulan PETRONAS.

## Hubungan dengan Juruaudit

Juruaudit luaran, Tetuan KPMG Desa Megat & Co., telah meneruskan untuk melaporkan kepada ahli Syarikat di atas penemuan mereka di mana ianya termasuk sebahagian daripada laporan kewangan Syarikat berkenaan dengan audit pada setiap tahun bagi penyataan kewangan berkanun. Dengan melaksanakannya, Syarikat telah mewujudkan pengurusan telus dengan juruaudit untuk memenuhi keperluan profesional juruaudit. Dari masa ke semasa, juruaudit juga memberikan penekanan kepada kepada Jawatankuasa Lembaga Audit dan Lembaga Pengarah di atas perkara yang memerlukan perhatian Lembaga Pengarah.